

6) PROJEK PEMBANGUNAN JALAN PAPAN

Adun : Y.B. Tuan Leong Tuck Chee (Pandamaran)

Kategori : Bertulis

Sesi : 1 (2026)

Sub soalan :

- a) Apakah tindakan yang boleh diambil oleh kerajaan terhadap pemaju yang telah mengingkari keputusan mesyuarat bersama Menteri Besar pada 21 Oktober 2025 iaitu membelakangkan janji untuk hanya merobohkan rumah kosong di Jalan Papan, Pandamaran?

Untuk makluman Yang Berhormat, keputusan Mahkamah Tinggi Shah Alam yang memutuskan perintah pengosongan kepada defendan iaitu 48 peneroka bandar Jalan Papan terlibat. Berikutan operasi pengosongan pada Oktober 2025, EXCO Perumahan dan Kebudayaan Negeri Selangor telah mengambil inisiatif dengan membuka rundingan dengan pihak pemaju. Antaranya ialah :

- i- Penyerahan sebahagian tanah tujuh (7) ekar kepada Kerajaan Negeri
- ii- Pembangunan kediaman pangsapuri untuk peneroka melalui anak syarikat Kerajaan Negeri.
- iii- Pelan penempatan semula yang lebih tersusun.

Selaras dengan keputusan tersebut, pihak pemaju melalui peguamnya telah bersetuju untuk menyerahkan tanah seluas tujuh (7) ekar di Jalan Papan kepada Kerajaan Negeri sebagai tanda komitmen penyelesaian.

Penyelesaian terkini isu ini menunjukkan kemajuan positif hasil persetujuan pemaju Melati Ehsan untuk menyerahkan tujuh (7) ekar tanah kepada Kerajaan Negeri.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor telah memohon Cadangan Pembangunan Rumah Selangorku/ Rumah Idaman daripada empat (4) pemaju berpotensi iaitu Pemodalan Negeri Selangor Berhad, Masteron Sdn Bhd, Inta Bina Sdn Bhd, dan MGB Holding Sdn Bhd dan satu (1) pemaju telahpun memberi maklumbalas untuk membuat lawatan bersama pihak sebagai komitmen positif terhadap perancangan Pembangunan tersebut.